



LKIM

SEBUT HARGA LKIM IBU PEJABAT BIL.S35/2021

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa secara terbuka kepada Penyebut harga yang berdaftar di bawah **Kod Bidang pendaftaran Kementerian Kewangan Kewangan 210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106 dan 210107** serta masih sah pendaftarannya pada tarikh tutup untuk menyertai **SEBUT HARGA BAGI PENYELENGGARAAN SISTEM W-ICCS LKIM (LKIM:S35/2021)**

Hanya Penyebut Harga yang telah berdaftar **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** dengan pihak LKIM sahaja yang layak menyertai sebut harga ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan LKIM boleh dilakukan secara atas talian (*online*) bagi mendapatkan id pengguna dan juga kata laluan melalui laman web Sistem e-Perolehan LKIM <https://www.tenderwizard.my/LKIM>

1. Penyebut harga akan dikenakan **Yuran Pendaftaran** sebanyak **RM180.00** yang perlu dibayar kepada pembekal sistem. Akses ini hanya akan diaktifkan selepas penyebut harga melengkapkan permohonan secara *online* dan menjelaskan **Yuran Pendaftaran**. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX secara *online*. Yuran pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh **satu tahun sahaja** dan perlu diperbaharui untuk tahun-tahun berikutnya.
2. Penyebut harga hendaklah mengambil perhatian bahawa **Fi Perkhidmatan sebanyak 0.848% (Termasuk 6% Cukai Perkhidmatan)** bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem e-Perolehan LKIM akan dikenakan kepada pembekal / syarikat yang dilantik. **Amaun Fi Perkhidmatan** tersebut akan **ditolak daripada harga tawaran**. Fi perkhidmatan berkaitan adalah kenaaan caj oleh pihak *service provider* ke atas perkhidmatan yang telah disediakan.
3. Dokumen Sebut harga boleh dibeli pada harga **RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh)** sahaja. Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada Penyebut harga yang mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya serta hanya boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan LKIM **mulai 08 Disember 2021 (Rabu) jam 11.00 pagi**. Manakala **tarikh tutup** tawaran sebut harga pada **15 Disember 2021 (Rabu) jam 12.00 tengahari**.



LKIM

SEBUT HARGA LKIM IBU PEJABAT BIL.S35/2021

4. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **WAJIB** di isi (*Key in*) dalam sistem e-perolehan LKIM secara *online* mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan dalam iklan sebut harga.
5. Syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia hendaklah mengemukakan harga tawaran dengan mengambilkira Kadar Cukai Barang Dan Perkhidmatan (SST).

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Keseluruhan atau sebahagian dari barang-barang seperti yang dinyatakan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam kontrak dan akan tertakluk kepada syarat-syarat kontrak.
 - a) Semua sebut harga **WAJIB** di isi (*key in*) dalam sistem e- Perolehan LKIM secara atas talian (*online*) melalui capaian <https://www.tenderwizard.my/LKIM> mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
 - b) Harga yang ditawarkan termasuk semua kos seperti pengangkutan, perkhidmatan, peralatan, insurans dan lain-lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan ini.
 - c) Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** walau apapun alasan yang diberi.
 - d) Penyebut harga tidak boleh memasukan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan sebut harga ini ke dalam harga sebut harga yang ditawarkan.
 - e) Semua dokumen **WAJIB** perlu diisi dan muat naik semula.
2. Tiap-tiap penyebut harga adalah bertanggungjawab meneliti setiap salinan Dokumen Sebut Harga yang telah dikemukakan secara *online*.
3. Sebut harga hendaklah sah laku selama **Sembilan Puluh (90)** hari daripada tarikh penyerahan sebut harga melalui *online* seperti yang ditetapkan dalam notis sebut harga dan seseorang penyebut harga tidak boleh tarik balik sebut harganya dalam tempoh tersebut.



LKIM

SEBUT HARGA LKIM IBU PEJABAT BIL.S35/2021

4. Pihak LKIM tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga
5. Penyebut harga yang berjaya (jika ada) akan diberitahu melalui surat dalam **tempoh Sembilan Puluh (90) hari** seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3 di atas dan sebut harga mestilah sah dalam tempoh tersebut. Penyebut harga mestilah menandatangani surat perjanjian dan mengemukakan **bon peraksanaan** dalam masa yang ditetapkan di dalam surat tawaran. Tempoh menandatangani perjanjian ini boleh dilanjutkan jika pegawai yang berkuasa bersetuju bahawa sebab-sebab yang munasabah untuk berbuat demikian.
6. Pertanyaan berkaitan dengan penentuan sebut harga ini bolehlah diajukan kepada :

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

- | | | |
|------|---|-------------|
| i. | Puan Nor Rahimah binti Ismail | 03-80649131 |
| ii. | Encik Mohammad Iqmar Eizlly bin Marzuki | 03-80649160 |
| iii. | Puan Norasikin binti Atan | 03-80649161 |

SEKSYEN PEROLEHAN

- | | | |
|------|---------------------------------|--------------|
| i. | Puan Nurhazunainah binti Mahadi | 03-8064 9113 |
| ii. | Puan Hamimah binti Khalid | 03-8064 9137 |
| iii. | Puan Noor Hafiezal binti Awang | 03-8064 7465 |

7. Menanda dan mengirim dokumen sebut harga
 - a) Semua dokumen sebut harga **WAJIB** di isi (*key in*) dengan lengkap dalam sistem e-perolehan secara *online* melalui e-Perolehan LKIM. Semua dokumen sebut harga hendaklah di hantar dalam sistem pada atau sebelum **15 Disember 2021** tidak lewat jam **12.00 tengahari (online)**
 - b) Sebarang **permohonan secara manual tidak akan diterima**. Penyebut harga yang gagal menghantar sebut harga melalui Sistem e-Perolehan tidak akan diterima.



LKIM

SEBUT HARGA LKIM IBU PEJABAT BIL.S35/2021

8. Persetujuan:
- a) LKIM akan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui.
 - b) Notis itu bolehlah mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian sebutharga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada “Penyebut Harga” menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.
 - c) Apabila disetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara LKIM dengan “Penyebut Harga” itu mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai yang tersebut itu jika ada) dan tiadalah apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini.
9. LKIM tidak akan melayan sebarang surat menyurat dari “Penyebut Harga” mengenai sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya dan sebut harga yang dibuat dengan tidak mengikut arahan-arahan di atas tidak akan dipertimbangkan.
10. Penyebut harga akan dikenakan denda jika lewat membuat penghantaran bekalan/perkhidmtan.

Formula seperti berikut

$$V(T + D) \times 5\% / T$$

V = Nilai bekalan yang lewat dibekalkan

T = Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari

D = Bilangan hari yang lewat